



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI DATO' MOHID BIN MOHAMED DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K. SELVARAJU

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR. KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARAN/2026(3)

7 JANUARI 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-3/2026: **JEMPUTAN MENGHADIRI KURSUS PENGURUSAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA ANJURAN BERSAMA PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) dengan kerjasama Visar Corporate Consultancy Sdn. Bhd. akan menganjurkan Kursus Pengurusan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja khas buat ahli-ahli PIKM.

3. Butiran kursus adalah seperti yang berikut:

3.1 **Tempoh Kursus:** 1 hari

3.2 **Tarikh:** 5 Februari 2026 (Khamis)

3.3 **Tempat:** De Palma Hotel Shah Alam, Selangor

3.4 **Yuran Penyertaan (Ahli PIKM sahaja):** RM800/peserta

3.5 **HRD Corp:** Kursus ini layak untuk tuntutan geran di bawah HRD Corp *Claimable Course*

4. Pindaan kepada Akta Kerja 1955 serta penguatkuasaan Akta Antigangguan Seksual 2022 telah meningkatkan tanggungjawab undang-undang majikan dengan ketara. Kini, majikan diwajibkan mengambil langkah proaktif dan pencegahan bagi menangani gangguan seksual di tempat kerja. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan organisasi dikenakan penalti, tindakan undang-undang serta tuntutan liabiliti vikarius.

5. Selaras dengan perkara tersebut, program ini bertujuan memberikan pemahaman menyeluruh kepada peserta mengenai undang-undang, peraturan dan kod amalan berkaitan gangguan seksual di tempat kerja. Peserta akan memperoleh panduan praktikal dalam menggubal dan melaksanakan dasar yang berkesan, mengendalikan aduan secara berwibawa serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan saling menghormati, bagi meminimumkan risiko perundangan dan mengelakkan tindakan punitif.

5.1 **Objektif Kursus:**

- Memberi pemahaman yang jelas mengenai konsep, bentuk dan implikasi gangguan seksual di tempat kerja.
- Mendedahkan peserta kepada peruntukan terkini undang-undang berkaitan, khususnya pindaan **Akta Kerja 1955** dan **Akta Antigangguan Seksual 2022**.
- Menjelaskan tanggungjawab majikan dan pengurusan dalam mencegah serta mengendalikan kes gangguan seksual.
- Membimbing peserta mengenai langkah-langkah pencegahan, prosedur aduan dan pengendalian siasatan dalaman yang berkesan.
- Membantu organisasi meminimumkan risiko tindakan undang-undang, penalti dan liabiliti vikarius.

5.2 **Siapa Yang Perlu Hadir:**

- Pemilik dan pengurusan syarikat.
- Pengurus sumber manusia, penyelia, dan pegawai pentadbiran.
- Pihak berkepentingan dalam pengurusan kontrak dan pematuhan undang-undang.

5.3 **Manfaat Utama:**

- Memastikan organisasi mematuhi kehendak undang-undang semasa berkaitan gangguan seksual.
- Meningkatkan keupayaan majikan dan pengurusan dalam mencegah dan mengurus isu gangguan seksual secara profesional dan beretika.
- Mengurangkan risiko tindakan disiplin, penalti kewangan dan tuntutan undang-undang terhadap majikan.
- Melindungi reputasi organisasi serta menggalakkan budaya kerja yang positif dan berintegriti.

6. Untuk makluman semua ahli, butiran lengkap kursus ini boleh dirujuk melalui **risalah yang dilampirkan bersama surat ini**. Ahli-ahli yang berminat untuk menyertai kursus ini boleh mendaftar dengan mengimbas kod QR yang disediakan (<https://forms.gle/HuFYEnfULnyfxVQV8>) atau menghubungi nombor telefon yang tertera pada risalah tersebut.

7. PIKM amat menggalakkan penyertaan ahli-ahli dalam kursus ini kerana ia merupakan satu peluang mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang Akta Kerja 1955 dan Akta Antigangguan Seksual 2022.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT

b.p. Presiden



MANAGING SEXUAL HARASSMENT AT WORKPLACE

(10001558065)



Recent statistics reveal that sexual harassment at the workplace is increasing at an alarming rate. As at October 2025, 872 cases were reported. As a consequence, the Government has amended several legislations as well as introduced new legislation. The recent amendments to the Employment Act, 1955 and the enactment of the Anti-Sexual Harassment Act, 2022 has placed greater responsibilities on employers. Employers must take positive action to prevent sexual harassment, failing which they may be subjected to potential penalties and legal action, including claims of vicarious liabilities.

This programme is intended to equip participants with a firm understanding of the provisions of the various laws and codes to assist them manage sexual harassment more effectively with the view to avoid punitive action.

MODULES

- ✓ Introduction to Sexual Harassment
- ✓ Forms of Sexual Harassment
- ✓ Code of Practice for the Prevention and Eradication of Sexual Harassment
- ✓ Implications – Employment Act, 1955
- ✓ Implications - Anti-Sexual Harassment Act, 2022
- ✓ Preventing sexual harassment

Mr Chandra Mohan S.T., who holds a Masters of Science (HRM) degree from the University of Western Sydney, Australia and a Post Graduate Diploma from Glassgow Caledonian University, Scotland. is a human resources and industrial relations consultant with more than forty years' experience. He served in senior management positions at leading GLCs.

Upon leaving the corporate sector, he served as an Adviser to the Minister of Human Resources providing specialised input. He was also as a member of the Malaysian Senate as well as served as panel member of the Industrial Court.

He is an experienced trainer and has conducted numerous training courses and consultancy on all aspects of human resource management. He also has lectured on Human Resource Management and Strategic Management at several institutions of higher learni

05.02.2026

9:00AM-5:00PM

De Palma Hotel, Shah Alam

REGISTER NOW

RM 800
Per pax/per Day

Call or Whatsapp us now!!!

019-212 5032 (Mr. Ramdan)
011-3957 4514 (Ms.Mimie)
011-2411 8756 (Ms. Nur)



VISAR CORPORATE CONSULTANCY SDN BHD
23, Jalan Semanja 2/7, Taman Semanja 43000, Kajang Selangor D.E.

☎ 0193587003 ✉ voffice@gmail.com